

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 /1/2011

PM lancar Projek Jiwa Murni 15 Januari

LUNDU 7 Jan. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan melancarkan Projek Jiwa Murni, Angkatan Tentera Malaysia (ATM) peringkat nasional di Belaga, Kapit, pada 15 Januari ini sempena lawatan kerjanya ke negeri ini.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi bagaimanapun menafikan pelancaran itu mempunyai sebarang kaitan dengan pilihan raya negeri Sarawak mahupun pilihan raya umum sebagaimana yang sering dimokkan pembangkang.

Beliau berkata, ATM adalah badan profesional yang tidak terlibat dalam gerakan politik dan sebaliknya hanya mahu melakukan kerja kebajikan untuk masyarakat sebagaimana angkatan tentera lain pada waktu aman.

"Kita mahu rakyat membantu ATM bagi menjayakan konsep pertahanan menyeluruh (Hanruh), jadi kita ambil pendekatan turun ke bawah bersama rakyat demi mewujudkan integrasi dan kekuatan untuk mempertahankan negara.

"Projek ini jangan dianggap sebagai program politik kerana ia telah lama berjalan dengan nama Tentera Masuk Desa, cuma ia dilancarkan dengan nama

Projek Jiwa Murni oleh Datuk Seri Najib sewaktu bergelar Menteri Pertahanan. Saya cuma menyambung dan memperluaskannya kerana dahulu peruntukannya terlalu sedikit," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Projek Jiwa Murni di Kampung Sebat Melayu, Sematan, di sini hari ini.

Hadir sama ialah Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Datuk Zulkifli Zainal Abidin; Panglima 1 Divisyen, Mejar Jeneral Datuk Awi Suboh dan Panglima 3 Briged, Brigadier Jeneral Datuk Mohd. Ramli Jaafar.

Dalam perkembangan berkaitan, Ahmad Zahid menjelaskan peruntukan untuk menjayakan Projek Jiwa Murni pada tahun ini disumbangkan oleh 1 Malaysia Development Bhd. (1MDB) dan bukannya menggunakan belanjawan kerajaan.

Beliau bagaimanapun enggan mendedahkan jumlah peruntukan daripada 1MDB kerana ia bergantung kepada keperluan projek yang dijalankan.

Mengenai Projek Jiwa Murni pada tahun ini, Ahmad Zahid berkata, antara skop tumpuan ATM ialah perkhidmatan

kesihatan dan pergigian di kawasan pedalaman yang tiada klinik 1Malaysia selain menaik taraf rumah keluarga miskin.

Katanya, antara yang akan terlibat menjayakannya adalah Kor Kesihatan Diraja (KKD) dan Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD).

"Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan wakil rakyat di mana mereka akan menyerahkan sebahagian peruntukan mereka umpamanya untuk membeli barangan pembinaan rumah dan kita akan menggunakan tenaga ATM untuk membantu pembinaan dan pemulihan kediaman yang daif" katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, melalui kaedah itu perbelanjaannya dapat dijimatkan dengan ketara sebagaimana pembinaan jalan raya daripada Ba'kelalan ke Bario.

"Mengikut anggaran Jabatan Kerja Raya (JKR), jika jalan ini ditender ia berharga RM157 juta tetapi apabila RAJD diminta oleh Perdana Menteri untuk membinanya, kos yang diperlukan hanyalah RM50 juta iaitu penjimatan kira-kira dua per tiga," katanya.



AHMAD Zahid Hamidi (kiri) melawat pesakit gigi yang sedang dirawat di Klinik Pergigian Bergerak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) selepas merasmikan Projek Jiwa Murni ATM di Kampung Sebat Melayu di Lundu, semalam. - BERNAMA